

Terduduk lihat kepala terpisah

Sebelas ahli pancaragam dalam MPV rempuh belakang lori



HOCK HUAT



LEE SI



YU XUAN



YUIK YEE

>>Oleh Mohd Husni Mohd Noor, Wan Asrudi Wan Hasan dan Rosman Shamsudin
am@hmetro.com.my

SLIM RIVER: "Saya terduduk seketika selepas melihat kepala seorang daripada mangsa terputus dan otaknya melekat pada pintu kenderaan," kata Ku Mohd Hayazi Ku Mohd Isa, 32, saksi kemalangan yang meragut lima nyawa di Kilometer 372.1, Lebuhraya Utara-Selatan berhampiran Plaza Tol Slim River arah selatan, di sini, semalam.

Kemalangan pada jam 7 pagi itu membabitkan sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Hyundai Starex dinaiki 11 ahli pancaragam kebudayaan Cina yang terbabas dan merempuh bahagian belakang sebuah lori bermuatan beras yang berhenti di lorong kecemasan.

Semua yang terbunuh penumpang MPV manakala enam lagi termasuk pemandu kenderaan itu cedera dan Ku

Mohd Hayazi adalah kelindan lori terbabit yang berhenti di tepi lebuhraya kerana mengalami kerosakan tayar belakang.

Mangsa yang terbunuh ialah Daphne Eng Yuik Yee, 14, dari Bagan Selatan, Tanjung Piandang, Perak; Pang Lee Si, 35, dari Taman Serdang, Kedah; Juvien Chin Yu Xuan, 12, dan Poh Hock Huat, 60, kedua-duanya dari Nibong Tebal, Pulau Pinang serta Ong Choon Jee, 33, dari Perai, Pulau Pinang.

Mangsa yang cedera ialah Chong Soon Choy, 61, (pemandu MPV) dari Bukit Mertajam, Pulau Pinang; Ho Seok Yi, 18, dari Bagan Serai; Goei Wen Ni, 16, dari Nibong Tebal; Boo Goik Hong, 58; Lim Tau Hong, 5, dari Butterworth, Pulau Pinang dan Heng Ah Lek, 60, dari Bagan Selatan, Tanjung Piandang, Perak.

Ketika kejadian semua mangsa yang bertolak dari Nibong Tebal, kira-kira jam 4 pagi dalam perjalanan ke Muar, Johor bagi mengadakan

Metro 28/11/12 MS 14

persembahan kebudayaan.

Ku Mohd Hayazi berkata, sejurus sebelum kejadian, dia bersama pemandu lori berada di hadapan kenderaan itu sambil menelefon mekanik untuk memperbaiki tayar belakang lori yang rosak.

"Tiba-tiba saya terdengar dentuman kuat sebelum mendapati sebuah MPV yang sarat dengan penumpang terperosok di belakang lori kami," katanya.

Menurutnya, dia terpaksa menenangkan diri buat seketika sebelum menggagahkan diri membantu mengeluarkan lima mangsa yang tercedera dalam kejadian itu.

"Saya memberanikan diri memeriksa MPV yang terperosok di bawah lori dan terkejut apabila melihat beberapa penumpang sudah meninggal dunia manakala beberapa yang lain merintih kesakitan.

"Saya bersama beberapa pemandu dan


kelindan lori lain yang berada di lorong kecemasan itu kemudian mengeluarkan mayat serta mangsa yang tercedera," katanya.

Ku Mohd Hayzi berkata, ketika kejadian dia dan pemandu lori dalam perjalanan dari Jitra, Kedah menuju Sungai Buloh, Selangor membawa muatan beras sebelum tayar belakang lori pecah dan terpaksa berhenti di lorong kecemasan.


HM e-Paper

Untuk lebih gambar dan video sila layari subscription.nstp.com.my





SEDIH...Lim Meng Hee suami kepada Choon Jee sedih kehilangan isterinya.



HANCUR...MPV rosak teruk pada bahagian hadapan selepas merempuh belakang lori, semalam.



PEMANDU...Soon Choy
menceritakan kejadian
nahas terbabit.



PILU...dua reaksi
wajah Kuan Lang
yang tidak dapat
mengawal kesedihan.

Metro 28/11/12 MS 15.



Belok mengejut elak dirempuh

SLIM RIVER: Pemandu kenderaan pelbagai guna (MPV), Chong Soon Choy, 61, mendakwa terpaksa membelok secara tiba-tiba ke sebelah kiri jalan bagi memberi laluan kepada sebuah kereta dipandu laju dari arah belakang yang turut memberi lampu tinggi.

Menurutnya, tindakan itu menyebabkan kenderaan dipandunya gagal dikawal dan merempuh sebuah lori yang berhenti di lorong kecemasan di kiri jalan.

Dia yang cedera di tulang rusuk dan patah pergelangan tangan kiri ditemui ketika mendapatkan rawa-

tan di Hospital Slim River (HSR), di sini, semalam.

"Saya amat sedih kerana lima ahli kumpulan pancaragam kami maut dalam kemalangan berkenaan," katanya.

Chong mengakui dia gagal melihat lori yang berhenti di lorong kecemasan itu sebelum merempuh kenderaan itu dan terperosok di bawahnya.

"Saya terselamat kerana dilindungi oleh beg keselamatan kenderaan," katanya.

Menurutnya, dia mengambil alih tugas memandu kenderaan itu dari Hentian Rawat dan Rehat (R&R) Sungai Perak selepas kenderaan itu dipandu ketua kumpulan rombongan pancaragam, Ong Choon Jee,

33, dari Nibong Tebal, Pulau Pinang.

Dia yang bertindak sebagai pemain dram dalam kumpulan berkenaan bersama ahli kumpulannya yang lain dalam perjalanan ke Muar, Johor dan dijangka membuat persembahan nyanyian dan tarian di sebuah tokong di sana.


Sementara itu, seorang lagi mangsa yang cedera, Goey Wen Ni, 16, mengakui trauma selepas melihat ahli kumpulan lain maut dan cedera parah dalam kemalangan itu.

Menurutnya, ketika kejadian, dia tidur dan tersedar ketika dibawa keluar oleh peng-

guna jalan raya di luar kenderaan.

"Sebaik sadar, saya sudah berada di luar van dan terkejut apabila melihat mayat beberapa rakan cedera parah dan hampir gagal dikenal pasti termasuk kenderaan kami yang remuk teruk.

"Saya hanya mampu menangis dan tidak mampu berbuat apa-apa kerana cedera di tangan dan kaki. Ketika kejadian, saya duduk di barisan ketiga tempat duduk belakang," katanya.



'Mana anak saya...'

SLIM RIVER: "Mana anak saya...kenapa dia tidak dapat diselamatkan," itu raungan seorang wanita, Tan Kuan Lang, 60-an, ibu kepada Pang Lee Si, 35, yang maut dalam kemalangan ngeri meragut lima nyawa, di sini, semalam.

Tan yang tiba di pekarangan Hospital Slim River (HSR) kira-kira jam 10.30 pagi gagal mengawal kesedihan selepas dimaklumkan Lee Si turut ter-

korban terbabit nahas.

Dia terpaksa ditenangkan suami serta dua anak lelakinya dan keadaan bertambah hiba apabila Tan berulang kali berkata Pang dijadual melangsungkan perkahwinan 10 hari lagi.

Bagaimanapun, wanita warga emas itu serta beberapa ahli keluarganya yang lain enggan ditemubual berikutan masih trauma dan berada dalam kesedihan.

6 mangsa diselamatkan pengguna jalan raya

SLIM RIVER: Anggota bomba dan penyelamat mengambil masa kira-kira 40 minit bagi mengeluarkan mayat mangsa yang tersepit di dalam kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Hyundai Starex yang remuk teruk dan terperosok di bawah lori.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Slim River, Md Zin Mohd Saaidin berkata, sembilan anggota termasuk lima dari Balai Bomba dan Penyelamat Bidor menggunakan peralatan bagi menyempurnakan tugas mereka.

Beliau berkata, sejourus tiba di lokasi kejadian jam 7.40 pagi, enam mangsa yang cedera sudah dikeluarkan pengguna jalan raya, manakala lima mangsa yang maut masih tersepit di dalam MPV berkenaan.

"Kelima-lima mayat berkenaan masih tersepit di tempat duduk masing-masing dengan kepala seorang da-

ripada mangsa tercabut selain beberapa yang lain cedera parah di muka dan kepala sehingga gagal dikenal pasti," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Katanya, operasi tamat sepenuhnya kira-kira jam 8.05 pagi dan semua mayat dibawa ke Hospital Slim River (HSR) untuk bedah siasat, manakala mangsa yang cedera dibawa ke hospital sama.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Tanjung Malim, Deputy Superintendan, R Supramaniam berkata, kejadian berlaku kira-kira 100 meter dari susur keluar ke persimpangan tol Slim River.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati, MPV terbabit dipercayai hilang kawalan sebelum merempuh lori yang berada di tepi lorong kecemasan berikutan satu daripada tayar belakang kenderaan berat itu pecah.